

Tinjauan Literatur Peranan British Semasa Revolusi Arab (1916-1918)

BITARA

Volume 3, Issue 3, 2020: 95-110
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of the British Role during the Arab Revolution (1916-1918)]

Nurul Abrar Md. Isa¹ & Napisah Karimah Ismail¹

Abstrak

Pemisahan wilayah Hijaz setelah 400 tahun berada di bawah naungan Turki Uthmaniyah memberi kesan yang fundamental terhadap dunia Islam implikasi daripada Revolusi Arab yang berlaku pada tahun 1916 hingga 1918. Rata-rata penulisan yang menganalisis pemisahan Hijaz tersebut dibahas dalam rangka yang menjurus kepada konteks Perang Dunia Pertama dengan berorientasikan konflik antara British dengan Turki Uthmaniyah. Tidak banyak penulisan yang mengetengahkan peranan British dalam menjayakan Revolusi Arab khususnya yang melibatkan kelicikan kuasa tersebut di wilayah Hijaz. Justeru, makalah yang berbentuk kajian literatur ini bertujuan mencerakinkan penulisan dan sumber-sumber penting dalam mengkaji dan menganalisis peranan yang dimainkan oleh British di wilayah Hijaz sehingga berjaya mencetuskan Revolusi Arab (1916-1918). Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan elemen sejarah dengan bertunjangkan data primer dan data sekunder daripada pelbagai sumber sebagai teras kajian serta dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan tematik. Hasil kajian menemukan empat aspek penting yang perlu diketengahkan dalam kajian ini. Aspek yang dipecahkan secara tematik tersebut ialah kronologi Revolusi Arab, hubungan Uthmaniyah dan Hijaz semasa revolusi, hubungan British dan Syarif Husain serta strategi Penasihat British di wilayah-wilayah tertentu. Kajian membuktikan bahawa Revolusi Arab yang tercetus sehingga menyebabkan kemerdekaan wilayah Hijaz bukanlah inisiatif yang dijalankan oleh pemimpin Arab semata-mata, sebaliknya turut ditunjangi oleh pemimpin Barat terutamanya British.

Kata kunci:

Revolusi Arab, Peranan British, Turki Uthmaniyah, Kemerdekaan Hijaz dan Kajian Literatur

Abstract

The partitioning of the Hijaz region under the rule of the Ottoman Turks after 400 years sparked a fundamental impact on the Islamic world as an aftermath of the Arab Revolt from 1916 to 1918. Most of the literature analyzing the Hijaz separation was discussed in the framework of the First World War by focusing on the conflict between the British and the Ottoman Turks. There were meager articles highlighting the role of the British in the victory of the Arab Revolt in particular, and the intrigue of such powers in the Hijaz region. Thus, this paper in the form of literature review aimed to focus on the resources related to analyzing the British role in the Hijaz region during the Arab Revolt (1916-1918). This qualitative study applied historical method by using primary and secondary data from various sources as the prominent element of the study and analyzed according to descriptive and thematic approaches. As a result, this study identified four important aspects that should be the focal point in

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

NAPISAH KARIMAH ISMAIL, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Sejarah Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: napisah@ukm.edu.my

this study. These thematic aspects are the chronology of the Arab Revolt, the Ottoman and Hijaz relations during the revolution, the British and Syarif Husain relations, and the strategy of British Advisers in certain territories. This research proved that the Arab Revolt which led to the independence of the Hijaz region was not solely an initiative carried out by Arab leaders, but rather supported by Western powers especially British.

Keywords:

Arab Revolt, British Role, Ottoman Turks, The Independence of Hijaz, and Literature Review

Cite This Article:

Nurul Abrar Md. Isa & Napisah Karimah Ismail. 2020. Tinjauan Literatur Peranan British Semasa Revolusi Arab (1916-1918). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 95-110.

Pengenalan

Kerajaan Uthmaniyah merupakan sebuah kuasa Islam yang mendominasi wilayah-wilayah di Timur Tengah sehingga fasa Perang Dunia Pertama. Kerajaan yang diasaskan oleh bangsa Turki dari Asia Tengah ini bertambah kukuh apabila berjaya menawan Konstantinopel yang dahulunya merupakan ibu kota Kerajaan Byzantine. Kerajaan yang berpusat di Turki ini menguasai Balkan dan Eropah Tengah, kemudian di sepanjang selatan dan timur pantai laut Mediterranean serta meliputi Semenanjung Tanah Arab (David 1992). Antara wilayah-wilayah yang berada di bawah kekuasaan Kerajaan Uthmaniyah, Semenanjung Arab merupakan sebuah wilayah yang signifikan kerana mempunyai identiti yang eksklusif dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Hal ini kerana Semenanjung Arab mempunyai status keagamaan khususnya kepada umat Islam secara universal kerana kedudukan dua kota suci Mekah dan Madinah yang terletak di Hijaz. Kedudukan Semenanjung Arab berada di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyah sejak tahun 1516 mula menimbulkan konflik apabila tercetusnya Revolusi Arab pada 10 Jun 1916 oleh Syarif Husain di Hijaz yang bertujuan untuk menuntut kemerdekaan dan bangkit menentang Kerajaan Turki Uthmaniyah (Daghir 1959; al-Hashimi 2006 ; Hashim 2009 ; Ochsenwald 2015).

Gelombang kebangkitan yang merebak luas di dunia Arab ketika itu telah menimbulkan pelbagai persoalan. Semenanjung Arab yang ditakrifkan meliputi Aleppo di Syria terbentang sehingga Aden di Yaman menarik perhatian dunia ekoran pergolakan politik yang berlaku di wilayah-wilayah tersebut yang bermula di Hijaz. Gelombang kebangkitan yang secara popular dikenali “*al-Thawrah al-Arabiyyah al-Kubra*” merupakan suatu kebangkitan dalam kalangan rakyat yang dicetuskan oleh pemimpin Hashimiyah di Hijaz. Ianya bukan disifatkan sebagai perang menentang musuh mahupun menentang pencerobohan kuasa Barat, tetapi merupakan kebangkitan orang-orang Arab yang berawal di Hijaz untuk menuntut kemerdekaan daripada Kerajaan Turki Uthmaniyah sekali gus bercita-cita membentuk sebuah negeri Arab bersatu yang terbentang dari Aleppo di Syria sehingga Aden di Yaman (Sorby 2006).

al-Thawrah al-‘Arabiyyah al-Kubra dicetuskan oleh keluarga Bani Hashim yang terdiri daripada Syarif Husain serta anaknya Faisal dan Abdullah. Pada 5 Jun 1916, Syarif Husain mengumumkan Revolusi Arab yang bermula di Mekah. Beliau meneruskan gagasan revolusinya melalui *Syarq al-Urdun* dan berakhir di Syria. Revolusi ini mendapat sambutan masyarakat Arab dan British. *al-Thawrah al-‘Arabiyyah al-Kubra* menjadi satu faktor

kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah dan pada masa yang sama memudahkan penjajah meluaskan imperialisme mereka (Umar 1983). Justeru, kedudukan fenomena Revolusi Arab yang amat signifikan dalam sejarah Semenanjung Tanah Arab ini menampilkkan British sebagai agen utama yang membantu masyarakat di Hijaz dan sekitarnya dalam mencetuskan Revolusi Arab.

Pada 7 November 1914, *Shaykh al-Islam* di Istanbul telah mengeluarkan fatwa kewajipan berjihad ke atas seluruh umat Islam dan bersatu menghadapi British, Perancis dan Rusia yang diisyiharkan sebagai musuh Islam (Antonious 1939). British menyedari bahawa pengisyiharan seruan suci ini akan menjentik semangat penduduk di Semenanjung Arab untuk bersatu menentang musuh Uthmaniyyah. Perkara ini merupakan penghalang bagi *Allied Powers* iaitu Kuasa Bersekutu yang terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia untuk meneruskan misi mereka dalam Perang Dunia Pertama (al-Hashimi 2006). Lanjutan itu, kedudukan Syarif Husain di Mekah sebagai pemimpin Arab di Hijaz merupakan satu figur yang tepat dan amat diperlukan oleh British dalam mendepani pengaruh seruan jihad tersebut. British menjanjikan pangkat *Grand Syarif* serta bantuan pertahanan bagi menghadapi kuasa luar kepada beliau dengan syarat melakukan revolusi menentang Uthmaniyyah (Sorby 2006).

Konflik Uthmaniyyah-British tersebut akhirnya membawa Semenanjung Arab ke dalam arena politik antarabangsa. Terdapat variasi dimensi yang boleh diukur dari aspek politik, strategik, komersial, agama dan ekonomi yang mana kesemuanya berinteraksi dan saling berkait antara satu sama lain. Uthmaniyyah mengiktiraf Semenanjung Arab sebagai sebahagian daripada empayar mereka sejak awal abad ke-16. Meskipun pertahanan Uthmaniyyah di Semenanjung Arab berfungsi sebagai benteng dalam konflik Perang Dunia Pertama bersama Jerman dalam menghadapi British, namun kedudukan Hijaz yang mempunyai status keagamaan yang begitu eksklusif mendasari tindakan Sultan Uthmaniyyah untuk memberi perlindungan terhadap dua kota suci serta memastikan laluan ke Hijaz dibuka dari sebarang gangguan. Kepentingan ini berbeza pula dengan British yang mempunyai perbezaan agama, sejarah dan sosialnya dengan masyarakat di Semenanjung Arab dalam konflik ini (Antonious 1939).

Justeru menurut Karol Sorby (2006), revolusi ini direkodkan sebagai satu-satunya Gerakan Revolusi dalam kalangan orang-orang Arab yang *fundamental* kerana berjaya menganjukkan semangat rakyat dan pemimpin dalam menentang Uthmaniyyah pada fasa Perang Dunia Pertama. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa Semenanjung Arab tidak berdiri sendiri dalam mencetuskan revolusi tersebut melainkan dengan campur tangan British sebagai kuasa dunia dalam Perang Dunia Pertama. Peranan British dimanifestasikan oleh kepentingan mereka di Semenanjung Arab.

Buktinya, Polisi Arab sebagai sebuah dasar yang diperkenalkan dan dilaksanakan bagi mencetuskan Revolusi Arab untuk mengawal struktur politik, ekonomi dan sosial masyarakat Arab. Antara polisi yang terkait dengan Revolusi Arab ialah *McMahon-Husain Correspondence* iaitu perutusan surat dua hala yang berjalan antara Julai 1915 hingga Mac 1916 yang memuatkan persetujuan British untuk mengakui kemerdekaan Arab setelah perang sebagai pertukaran untuk *Syarif of Mecca* melancarkan Revolusi Arab terhadap Kerajaan Uthmaniyyah. Selain itu, terbentuknya *Sykes-Picot Agreement* iaitu sebuah perjanjian antara Perancis dan British pada tahun 1916 serta Deklarasi Balfour pada 2 November 1917 (Wahbah 1935 & Bakhit 1965).

Himpunan fakta tersebut menunjukkan bahawa Revolusi Arab yang digerakkan oleh Syarif Husain tidak hanya bergantung kepada peranan beliau semata-mata, bahkan ditunjangi

oleh British. Sebuah kajian yang komprehensif dan kritis perlu dijalankan bagi membongkar peranan British semasa Revolusi Arab berlaku. Justeru, kajian tinjauan literatur ini bertujuan untuk dijadikan sumber rujukan penting bagi mengkaji dan menganalisis peranan yang dimainkan oleh British sehingga tercetusnya Revolusi Arab yang berlaku pada tahun 1916 sehingga 1918. Kajian ini juga menjadi bukti bahawa Revolusi Arab yang tercetus dalam dunia Arab bukan semata-mata dijalankan oleh pemimpin Arab, sebaliknya pemimpin Barat yang dipelopori oleh British cukup berperanan dalam mencetuskan konflik di persada Dunia Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif terhadap dokumen-dokumen primer dan sekunder yang memuatkan fenomena Revolusi Arab. Pengumpulan data melalui kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan analisis kandungan yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Melalui kaedah ini, kajian merujuk kepada beberapa sumber primer yang diperoleh secara digital daripada *Public Record Office (PRO)*, *Jewish Virtual Library*, *World War I Document Archive*, *The British Library*, *Library of Congress*, *World Digital Library* dan *Qatar National Library*. Manakala sumber sekunder diperoleh melalui buku ilmiah, artikel, jurnal, tesis dan disertasi terpilih. Data dan maklumat daripada kajian yang dilakukan menjurus kepada peranan British semasa Revolusi Arab. Manakala penganalisaan maklumat menggunakan kaedah tematik dan deskriptif.

Dapatkan Kajian

Terdapat beberapa penulisan yang mengkaji tentang Revolusi Arab. Berdasarkan tinjauan literatur dijalankan, kajian-kajian lepas dicerakinkan di bawah empat sub tema iaitu kronologi Revolusi Arab, hubungan Uthmaniyah dan Hijaz semasa revolusi, hubungan British dan Syarif Husain serta strategi Penasihat British di Hijaz di wilayah-wilayah yang berlakunya revolusi.

Kronologi Revolusi Arab

Sumber primer yang berkaitan dengan hubungan Hijaz dan British diambil daripada koleksi yang direkodkan oleh Kakitangan Am di War Office pada 31 Ogos 1918 yang bertajuk '*Summary of The Hejaz Revolt*'. Laporan yang merakamkan kronologi tercetusnya Revolusi Arab secara terperinci ini membantu pengkaji mengetahui perjalanan peristiwa dengan tepat kerana ia direkodkan pada tahun kejadian (War Office 1918). Selain itu juga terdapat dokumen yang direkodkan oleh India Office yang bertajuk '*Policy in Arabia*' pada 20 November 1918 yang merekodkan undang-undang British tentang status Syarif Husain sebagai Raja Hijaz, mandat British kepada beliau serta memuatkan perjanjian antara England dan Perancis yang memetakan kekuasaan Syarif Husain. Dokumen ini membantu pengkaji melihat secara khusus tentang kepentingan Politik British untuk menggerakkan Revolusi Arab di Hijaz.

Kronologi fenomena Revolusi Arab bermula dengan deklarasi Jihad yang diisyiharkan oleh Kerajaan Turki Uthmaniyah telah membimbangkan British akan reaksi yang bakal ditonjolkan oleh pimpinan dan masyarakat di Semenanjung Arab. Wahbah (1935)

menghuraikan secara sekali gus risiko yang menjelaskan pengaruh mereka di Semenanjung Arab dan wilayah-wilayah di sekitarnya yang berada di bawah Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Selain itu, beliau juga telah menyatakan kronologi Revolusi Arab dengan begitu terperinci dan menyeluruh daripada tiga pihak yang terlibat. Bahkan, beliau juga merekodkan bilangan tentera Raja Faisal ke Damsyik dan wilayah-wilayah yang lain untuk menggerakkan revolusi. Perincian beliau tidak hanya dihurai sebelum dan semasa Revolusi Arab berlaku, perjanjian yang berlaku antara Great Britain dan Syarif Husain pada tahun 1921 hingga 1922 juga telah dikemukakan dengan jelas, termasuk isu pembahagian Palestin yang menjadi konflik pada ketika itu.

Bakhit (1965) pula memuatkan isu Revolusi Arab pada fasal kedua di bawah bab kedua yang betajuk *al-Qaumiyyah al-Arabiyyah*. British merupakan faktor yang berperanan dalam menggerakkan Revolusi Arab ini. Kelemahan Turki Uthmaniyyah untuk bersifat adil dan saksama dalam menggubal perlombagaan yang melibatkan masyarakat di Semenanjung Arab menimbulkan konflik antara pimpinan Uthmaniyyah dan masyarakat Arab khususnya di Hijaz. al-Hashimi (2006) telah menyebutkan antara polisi yang terkait dengan Revolusi Arab iaitu *McMahon-Husain Correspondence* iaitu perutusan surat dua hala yang berlaku antara Julai 1915 hingga Mac 1916 yang memuatkan persetujuan British untuk mengakui kemerdekaan Arab setelah perang sebagai pertukaran untuk *Syarif of Mecca* melancarkan Revolusi Arab terhadap Kerajaan Uthmaniyyah, kemudian *Sykes-Picot Agreement* antara Perancis dan British pada tahun 1916 serta Deklarasi Balfour pada 2 November 1917 sebelum membahagikan wilayah-wilayah Arab di Timur Tengah sekiranya mereka berjaya melemahkan Uthmaniyyah dan menumpaskan Jerman dalam Perang Dunia Pertama (Bakhit 1965 & al-Hashimi 2006). Polisi-polisi tersebut telah menunjukkan interaksi dua hala antara British dan Semenanjung Arab serta kepentingan diplomasi antara British dan Perancis.

Pemerhatian dan pengalaman peribadi Hammadi (1968) sejak tahun 1963 turut mencatatkan beberapa situasi dan konflik yang berlaku di Iraq dan Syria pada peringkat awal. Penulisan tersebut mencerakinkan beberapa perkara yang berkaitan dengan proses-proses yang berlaku di dua negara tersebut dalam menggerakkan revolusi. Justeru, beliau menghuraikan secara tematik seperti beberapa dasar, teori dan konsep revolusi, permasalahan sistem pentadbiran negara, salah faham tentang konsep revolusi dan beberapa faktor subjektif yang kebiasaannya mencetuskan revolusi. Manakala Qal'aji (1994) pula mencerakinkan fakta-fakta berkaitan Revolusi Arab secara kronologi pada bab yang ke-13 dengan menonjolkan tindakan dan dasar-dasar yang diaplikasikan oleh Syarif Husain sebagai Gabenor Mekah dalam menggerakkan Revolusi Arab tanpa menganalisis secara terperinci tentang penglibatan Uthmaniyyah dan British.

Analisis yang dijalankan oleh Mousa (1987) turut menunjukkan bahawa masyarakat Arab berfokus kepada isu kebebasan dan kemerdekaan antara tahun 1916-1920. Fenomena Revolusi Arab adalah merupakan fasa permulaan yang menyumbang pembentukan perspektif terhadap imej masyarakat Arab dalam aspek politik, ekonomi dan ketenteraan kepada dunia. Hal ini kerana, wujudnya interaksi dua hala antara masyarakat Arab dan dunia Barat sehingga menarik perhatian media masa dan liputan maklumat dan berita di Barat yang menjadi pusat tarikan utama dalam fasa tersebut.

Hubungan antara Uthmaniyyah dan Hijaz

Hubungan antara kedudukan sejarah agama, sosial serta ekonomi Hijaz dengan Kerajaan Turki Uthmaniyyah diulas dengan mendalam oleh William Ochsenwald (1984). Tahun 1883 hingga 1908 adalah yang paling dekat dengan suasana Revolusi Arab dalam konteks masyarakat Hijaz di mana ketibaan Amir Husain pada Disember 1908 telah menandakan berakhirnya peringkat pertama Revolusi Arab rentetan daripada kejayaan beliau menangani masalah tersebut meskipun usaha tersebut hanya disebabkan tekanan Perang Dunia pertama. Nuri Yeşilyurt (2005) dalam tesisnya bertajuk *Collapse of Empire : Ottoman Turks and The Arabs in The First World* juga turut mengkaji hubungan Semenanjung Arab dan Turki Uthmaniyyah daripada perspektif Uthmaniyyah pada masa Perang Dunia Pertama. Meskipun Nuri membuat kesimpulan wujudnya pengaruh British dalam hubungan Semenanjung Arab dengan Uthmaniyyah, namun British bukanlah menjadi objek kajian beliau.

William Ochsenwald (2015) menggariskan tiga faktor utama yang mendominasi sejarah di antara Uthmaniyyah dengan Semenanjung Arab. Pertama, kedudukan pesisir pantai di Semenanjung Arab, kedua batasan kuasa dan pengaruh Uthmaniyyah ke atas Semenanjung Arab dari aspek geografi serta yang ketiga adalah status keagamaan di Semenanjung Arab. Kajian ini menjadi akar umbi dalam memahami kepentingan Uthmaniyyah terhadap Semenanjung Arab selama 400 tahun dan turut membincangkan politik Uthmaniyyah-Hijaz pada tahun 1840-1908. Meskipun memuatkan isu konflik dalaman antara golongan Syarif dan gabenor Turki di Hijaz, namun William tidak memfokuskan isu ini secara mendalam. Bagi memahami konflik yang berlaku dengan berakar umbi, Said (1990) menganalisis faktor-faktor Revolusi Arab sejak pemerintahan Sultan Salim sehingga Sultan Abdul Hamid. Beliau menjelaskan beberapa kelemahan yang dilakukan oleh Uthmaniyyah sehingga menjadi faktor terhadap kebangkitan masyarakat Arab dengan memperincikan gerakan-gerakan kebangkitan di setiap wilayah seperti Basrah dan Beirut.

Hubungan dua hala antara gerakan Turki Muda dan gerakan Revolusi Arab oleh Syarif Husain yang merupakan satu fenomena yang menyumbang kepada pembentukan negara bangsa bagi Turki dan Arab Saudi. Turki Uthmaniyyah dianggap sebagai “penjajah” manakala gerakan Revolusi Arab pula dilabel sebagai mengkhianati Turki Uthmaniyyah. Hasil kajian Çiçek (2012) mendapati bahawa gerakan Turki Muda menggunakan Revolusi Arab sebagai mekanisme untuk melakukan anjakan paradigma terhadap pemodenan Turki, manakala Semenanjung Arab pula berhasrat membina negara mereka sendiri.

Interaksi yang berlaku antara pimpinan Hijaz dengan Sultan Abdulhamid II telah berlaku sejak tahun 1877. Secara makro, Buzpinar (1995) mengemukakan bahawa interaksi ini berlaku kerana isu urusan jemaah Haji yang tidak dapat menghindar campur tangan konsulat Eropah di Jedah. Muncul kebimbangan bahawa Britain akan melemahkan kekuasaan Amir Mekah yang memastikan keberlangsungan autoriti Uthmaniyyah di Hijaz. Oleh kerana itu, Uthmaniyyah memutuskan untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka dengan kedudukan Garbenor (*Vali*). Kajian ini menyatakan portfolio Amir dan Garbenor (*Vali*), namun mengenal pasti bahawa tiada penanda aras yang jelas untuk membezakan skop autoriti Amir dan Vali. Meskipun kajian ini menuntut isu yang berlaku sebelum fasa Revolusi Arab, namun dapatkan kajian menunjukkan bahawa konflik antara *Vali* dan Amir Mekah sudah bertapak lebih awal.

Menyentuh fasa yang lebih dekat dengan Revolusi Arab, Sorby (2005) turut merungkai konflik yang berlaku antara gerakan Turki Muda, Sultan Abdul Hamid II serta Syarif Husain sepanjang tahun 1908 hingga 1914. Syarif Husain dilantik menjadi *Grand Syarif* di Hijaz pada fasa Turki Muda menjalankan dasar-dasar mereka dengan menekankan persoalan pembaharuan empayar termasuk autonomi Arab. Hal ini membangkitkan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Arab sekali gus menjadi pemangkin kemerosotan hubungan antara Uthmaniyah dan masyarakat Arab. Konflik ini mendorong kepada fenomena Revolusi Arab.

Sementara Mohamad Ali al-Rousan, Safwat Mahmoud al-Rousan & Tarik Mohammed al-Azzam (2012) menyatakan bahawa kemunculan Gerakan Arab bertujuan menstabilkan kembali situasi politik dan ekonomi wilayah-wilayah Arab yang dipengaruhi oleh realiti semasa akan gerakan Turkifikasi yang menunjukkan pengabaian mereka terhadap bangsa Arab. Mereka juga terpengaruh dengan Revolusi Perancis yang mendedahkan bahawa kepentingan Arab dan Eropah menemui titik persamaan. Makalah ini turut menyatakan pertembungan aspek politik dan kepentingan antara Arab dan British.

Sebenarnya, terdapat strategi yang digunakan oleh Uthmaniyah untuk mengawal suku Badwi yang merupakan majoriti penduduk di Hijaz pada fasa sebelum Revolusi Arab tercetus iaitu pada 1840-1908. Çiçek (2015) menjelaskan bahawa kepatuhan kabilah Arab Badwi di Hijaz terhadap Syarif Husain dengan nasihat Lawrence semasa Revolusi Arab mempunyai sejarah di sebaliknya. Sebelum Revolusi Arab berlaku, Syarif Husain sebagai Amir Mekah pada tahun 1908, berlaku peningkatan kewangan disebabkan oleh dasar-dasar ekonomi baru yang diterima pakai oleh Turki Muda. Dengan sokongan daripada kerajaan pusat, Husain melakukan rundingan serius dengan Badwi untuk penyelesaian krisis secara menyeluruh. Beliau memberi ganjaran berbentuk pingat kepada pemimpin-pemimpin tertentu. Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, rata-rata kajian dan penulisan tentang Revolusi Arab yang dihasilkan tidak menganalisis secara terperinci peranan British dalam fenomena yang signifikan ini berserta kesannya terhadap Semenanjung Arab.

Hubungan antara British dan Syarif Husain

Syarif Husain bin Ali yang berketurunan Bani Hashim merupakan seorang Syarif Mekah yang dilantik oleh Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1908. Syarif Mekah merupakan gelaran yang diberikan kepada gabenor yang memerintah Tanah Suci Mekah yang terletak di Hijaz. Beliau kemudiannya mendapat mandat daripada British untuk menjadi Raja Hijaz pada tahun 1916. Dawn (1960) mengetengahkan persaingan Syarif Husain mendapatkan jawatan Syarif Mekah, konflik antara Syarif, *Vali* (Gabenor) Turki & Sayyid al-Idrisi di Asir, penjelasan tentang bidang kuasa Syarif serta kepatuhan beliau terhadap Uthmaniyah. Kemunculan Perang Dunia Pertama memindahkan fokus Uthmaniyah daripada menjalankan polisi baru terhadap Hijaz kepada usaha menarik Syarif Husain dan Hijaz menyatakan sokongan terhadap Uthmaniyah. Ketika anak kedua Syarif Husain iaitu Abdullah melihat bahawa penglibatan penduduk Hijaz dalam perang boleh melemahkan kedudukan Hashimiyah, mereka didatangi oleh kuasa British. Keputusan sama ada Uthmaniyah dan Jerman, atau Britain dan Perancis yang akan menempa kemenangan dalam Perang Dunia Pertama amat penting dalam menentukan status Revolusi Arab. Keutamaan Syarif adalah pada peranan British dalam meletakkan pesaing-pesaingnya di bawah kekuasaan beliau. Beliau turut membahas interaksi antara Husain dan

British yang bertujuan untuk menghindarkan diri beliau daripada cengkaman Turki Muda serta mewujudkan sekutu untuk mengawal kestabilan Hijaz dan wilayah-wilayah di sekitarnya. Tindakan ini juga adalah alternatif yang praktikal untuk menggantikan Ottomanism dengan Arabism yang disokong oleh British.

Penglibatan Britain di Semenanjung Arab sepanjang fasa Perang Dunia Pertama berkait dengan pertempuran mereka mendepani ancaman jihad yang dikeluarkan oleh Kerajaan Uthmaniyah. Menurut Rogan (2016), peranan para Syarif adalah untuk mencabar bidang kuasa Uthmaniyah di Hijaz. Kejayaan bergantung kepada kemampuan mereka untuk menggerakkan tenaga orang-orang Badwi. British memerlukan bidang kuasa keagamaan Syarif Husain untuk melemahkan seruan jihad oleh Uthmaniyah yang dibimbangi oleh pegawai British di Kaherah dan *Whitehall*. British menemukan solusi bagi polisi jihad Uthmaniyah dengan cara membekalkan segala kelengkapan senjata kepada tentera Arab dan meninggalkan tentera Muslim menghadapi pertempuran sebenar sesama mereka. Terma ‘Revolusi Arab’ juga berjaya didoktrinkan sebagai simbol orang-orang Arab menentang kekuasaan Uthmaniyah, berbanding revolusi menghadapi khalifah yang berorientasikan kaca mata Islam.

Ediz (2016) juga berpendapat bahawa Syarif Husain merupakan tokoh yang digunakan oleh British untuk menubuhkan *khilafah* yang tidak memberikan sebarang ancaman terhadap kedudukan British menerusi Revolusi Arab. Namun dokumen dalam *British Public Record Office* yang mengandungi surat-surat tulisan beliau menggambarkan peribadi beliau yang amat berbeza dengan dakwaan para Sejarawan Barat. Beliau dapat menghidu permainan British melalui pertukaran surat antara beliau dan Pesuruhjaya Tinggi British di Kaherah iaitu *Sir Henry McMahon*, yang memberi jaminan kemerdekaan Hijaz sekiranya beliau bersetuju menjalankan Revolusi Arab. Buktinya, beliau menyatakan kekesalan terhadap tindakan British di Iraq dalam surat beliau pada 5 November 1915 dan 1 Januari 1916. Namun, tindakan beliau bertujuan menghindari pengaruh Ottomanism dan membangkitkan nasionalisme masyarakat Arab melalui Arabism (Mousa 1978). Efraim Karsh dan Inari Karsh (1997) mendapati bahawa surat antara McMahon dan Syarif Husain berperanan mengubah visi Syarif Husain terhadap Hijaz. Syarif Husain mula memikirkan kekuasaan *khilafah* yang lebih luas daripada sempadan wilayah Hijaz.

Goldberg (1985) pula menunjukkan perbezaan dasar antara rundingan McMahon dan Syarif Husain dan perjanjian dengan Sayyid Idrisi di Yaman pada satu sisi, manakala perjanjian Saudi dengan British di satu sisi yang lain. Dalam konteks rundingan dengan Syarif Husain, pendekatan Britain adalah berdasarkan andaian bahawa segala jaminan dan janji yang diberikan hanya ditunaikan sebagai balasan terhadap peranan ketenteraan yang dijalankan oleh Syarif Husain secara intensif. Komitmen British terhadap Husain merupakan komitmen bersyarat atas perkhidmatan yang beliau berikan kepada British dalam usaha perang. Jaminan England terhadap Hijaz dalam tuntutan tertentu bergantung kepada kesediaan Syarif Husain memberikan bantuan terhadap Britain dalam usaha memerangi Uthmaniyah.

Kajian Teitelbaum (1998) mencerakinkan tiga buah fikiran Syarif Husain apabila memegang jawatan sebagai Syarif Mekah pada tahun 1908. Pertama, idea tentang ikon keagamaan sebagai Syarif atau kekhilafahan Arab. Kedua, kepentingan orang-orang Arab terutamanya yang mendiami Semenanjung Arab dalam kebangkitan Islam. Manakala yang ketiga adalah peranan Hijaz dalam membentuk kuasa politik selepas pemerintahan Uthmaniyah. Dalam rangka yang lebih luas, visi Syarif Husain adalah untuk mengubah status

pemerintahan berbentuk *Arabian chieftaincy* iaitu skop pemerintahan yang terbatas kepada orang Arab sahaja kepada *Suzerainty* iaitu hak Semenanjung Arab untuk mengawal polisi kuasa luar, menjalin hubungan dengan negara cawangan, serta membenarkan autonomi dalam terhadap mereka.

Manakala visi Syarif Husain tentang kekhalifahan dan penguasaan wilayah dipengaruhi oleh tiga faktor. Pertama, kelayakan Syarif Husain menuntut kekuasaan khalifah disokong oleh orang-orang Islam sejak abad ke-15. Kedua, sokongan daripada nasionalis British dan Arab selepas menjangkakan jawatan *Grand Syarif* pada 1908 menyokong visi penubuhan khilafah. Ketiga, nasionalis Arab dan British juga mempengaruhi Syarif Husain untuk terus yakin dan percaya bahawa beliau mempunyai sokongan dan pengikut melebihi konteks dunia Arab. Kajian ini menunjukkan bahawa British berperanan dalam mempengaruhi Syarif Husain dalam mencapai visi penegakan khalifah menerusi Revolusi Arab.

Revolusi Arab amat bergantung kepada orang-orang Badwi yang merupakan 75% daripada populasi. Rentetan penglibatan mereka yang berorientasikan ekonomi berbanding keagamaan, sokongan mereka adalah disebabkan dua faktor iaitu kewangan dan kuasa ketenteraan. Meskipun Syarif Husain dan Uthmaniyyah menunjukkan kesungguhan dalam menguasai tenaga mereka, namun pihak yang lebih berkuasa dan menawarkan material yang lebih banyak akan disokong oleh Badwi. Menurut Yeşilyurt (2006), sumbangan kewangan Britain sangat penting bagi Husain untuk memenangi hati orang-orang Badwi serta mengukuhkan kedudukan dan pengaruh beliau dalam kalangan masyarakat Arab.

Berbanding makalah yang lain, Johnson (1982) menyatakan masalah yang dihadapi oleh Syarif Husain pada tahun 1916 ketika menjalankan Revolusi Arab. Beliau amat memerlukan bantuan material daripada British bagi mengekalkan kepatuhan dan kesetiaan orang-orang Badwi dalam fasa revolusi. Bantuan tersebut juga berfungsi sebagai sokongan kepada keluarga para Syarif. Beliau berdepan dengan cabaran menghadapi ketenteraan Uthmaniyyah yang amat kukuh di Hijaz rentetan kelemahan yang ketara dalam kalangan pegawai dan ketenteraan Hijaz. Meskipun masalah-masalah ini diatasi oleh beberapa Pegawai British, namun dapatan kajian membuktikan bahawa British tidak memberikan bantuan dan strategi yang lengkap pada peringkat awal tercetusnya revolusi.

Sorby (2006) mendedahkan bahawa terdapat perbincangan antara Syarif Husain serta dua orang anaknya iaitu Ali dan Abdullah sebelum revolusi tercetus. Keputusan yang dilakukan oleh mereka adalah pertama, Faisal iaitu anak ketiga Syarif Husain perlu kembali ke Syria dan berhubung dengan pimpinan masyarakat serta menyusun persediaan untuk memulakan revolusi agar ia berlaku serentak di Hijaz dan Syria. Kedua, Husain akan memulakan rundingan dengan Britain. Dari perspektif British, dengan kedudukan Syarif yang mempunyai status yang bebas serta ikon penting dalam dunia Islam, beliau bukanlah satu-satunya tokoh untuk mengetuai Revolusi Arab menentang Turki, namun beliau merupakan orang yang paling efektif untuk menempis pengaruh seruan jihad daripada terus tersebar.

Rundingan Britain yang menjamin kemerdekaan Arab lebih efektif dan diterima oleh Syarif Husain berbanding dasar Jerman di Semenanjung Arab. Tuntasnya, British berperanan dalam membebaskan beberapa wilayah Arab daripada Turki pada 1917. Namun British meletakkan peranan Syarif Husain yang membantu mereka menghadapi beberapa dakwaan Perancis dalam isu kekuasaan wilayah. British yang menjangkakan keruntuhan Uthmaniyyah,

bercita-cita melindungi kedudukan dominan di Timur Tengah serta laluan utama ke India dengan mengawasi langkah Husain (Mckale t.th.).

Daghir (1959) menonjolkan beberapa interaksi yang berlaku antara pimpinan Hijaz serta wilayah-wilayah di Semenanjung Arab seperti Iraq, Mesir dan Syria bertujuan untuk mengumpulkan kuasa dan tenaga serta mampu mengerakkan Revolusi Arab. Lanjutan itu, Daghir juga telah menghuraikan secara tematik faktor utama kepada Revolusi Arab, situasi yang berlaku di Syria sebelum tercetusnya revolusi, ketenteraan Arab yang dipimpin oleh al-Aziz, Mesir sebagai pusat politik bagi Inggeris serta persepakatan dan konflik yang berlaku antara pimpinan, pemberontak Arab serta Syarif Husain.

Campur tangan British terhadap Semenanjung Arab memberi impak yang besar di wilayah Hijaz, Mesir dan Aden di Yaman pada masa Perang Dunia Pertama. Abdol Rauh Yaacob (1995) mengetengahkan kegagalan Polisi Arab yang mempunyai matlamat jangka pendek iaitu mendapat kerjasama dari masyarakat Arab bagi menentang Uthmaniyah. Namun kerjasama dan persefahaman antara pemimpin-pemimpin Arab tidak diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Perjanjian tersebut dilakukan secara berasingan. Syarif Husain menunjukkan keraguannya tentang niat British di Semenanjung Arab apabila mengetahui wujudnya komitmen British dengan pemimpin Arab yang lain.

Strategi Penasihat British

Thomas Edward Lawrence merupakan penasihat British yang amat berperanan dalam mengerakkan Revolusi Arab. Liam Egan (1948) menyatakan bahawa langkah pertama yang diambil oleh Lawrence adalah melakukan lawatan secara tidak rasmi ke wilayah Arab dan berjumpa dengan dua orang anak kepada Syarif Husain iaitu Abdullah dan Faisal buat pertama kali. Di bawah pimpinan Lawrence, tentera Arab membentuk sayap kanan tentera untuk menghapuskan sisa-sisa tentera Turki sehingga Damsyik. Lawrence juga membantu orang Arab membentuk Kerajaan Sementara sehingga kawasan bandar dipenuhi dengan tentera sehingga operasi kereta api berada di bawah kawalan orang Arab. Meskipun memegang portfolio sebagai Pegawai British, beliau juga berperanan sebagai seorang rakan yang dipercayai oleh pimpinan Arab. Beliau tersepit di antara dua komitmen tersebut. Apabila mendapati percanggahan besar di antara kepentingan British dan Arab, beliau tersepit antara dua pihak.

Landasan Kereta Api Hijaz yang memiliki kepentingan terbesar buat Hijaz dan Uthmaniyah merupakan medium yang digunakan untuk melancarkan Revolusi Arab. Kajian yang dijalankan oleh Leach (2006) menunjukkan bahawa kejayaan orang Arab melakukan revolusi menggunakan landasan kereta api Hijaz di bawah kekuasaan Uthmaniyah dari Jeddah sehingga Damsyik adalah dengan strategi dan peranan Lawrence. Kajian ini mengupas beberapa strategi dan taktik yang digunakan oleh beliau demi mencapai misi British. Taktik *War of Detachment* merupakan pendekatan untuk melemahkan musuh dengan ancaman yang senyap dan tidak mendedahkan diri sehingga serangan dicetuskan oleh pihak musuh. Taktik ini difahami oleh suku Arab bahkan mereka juga gemar menggunakan pendekatan secara misteri, senyap dan spontan berbanding bersemuka dalam pertempuran. Hal ini kerana tentera Turki jauh lebih baik dari aspek persediaan, kekuatan anggota serta kelengkapan. Namun mempunyai kekurangan dari sudut kebebasan dalam pergerakan secara proaktif. Manakala orang-orang Badwi tidak suka menanggung kecederaan dan kematian akibat peperangan kerana mereka

amat mementingkan hubungan kekeluargaan dan suku yang kuat. Tambahan pula, definisi kekalahan bagi mereka adalah kekurangan angka dalam kekuatan tentera.

Strategi ‘*hit and run*’ pula menggunakan segala elemen dalam masyarakat Arab untuk membangkitkan kekacauan lantas meletakkan elemen tersebut sebagai punca kekacauan tersebut. Taktik Lawrence adalah untuk menunjukkan bahawa revolusi ini perlu dilihat berakar umbi daripada orang Arab dan digerakkan oleh mereka sendiri. Strategi ini memerlukan kekuatan tentera dan sumber kewangan yang mencukupi. Suku-suku Arab mahupun tentera-tentera yang lain memerlukan wang untuk diberikan kepada keluarga mereka yang ditinggalkan. Emas dan wang menjadi motivasi bagi masyarakat Arab sehingga majoriti mereka tidak mengambil berat terhadap misi penubuhan Kerajaan Hashimiyah di Damsyik serta memandang remeh kesetiaan terhadap penguasa Hashimiyah. Lawrence memahami situasi ini lantas memastikan Faisal yang akan mengagihkan sumber kewangan kepada suku-suku tersebut. Segala interaksi seakan-akan hanya berlaku di antara masyarakat Arab. Tidak semua pegawai British menunjukkan minat dan sokongan terhadap idea Lawrence untuk mengerakkan suku-suku Arab dalam revolusi ini (Leach 2006 & Antonious 1939).

Dalam interaksi dua hala antara British dan masyarakat Arab ini, Lawrence meletakkan portfolio beliau sebagai penasihat berbanding menjadi ketua kepada kabilah. Helah yang digunakan adalah bukan memberikan arahan tetapi kononnya menasihati pimpinan Arab yang berkuasa mengeluarkan perintah agar terlaksana idea yang dilontarkan oleh beliau. Dalam *Council of War*, Lawrence hanya melontarkan idea seterusnya membiarkan orang-orang Arab berdebat tentang idea tersebut seolah-olah isi perbincangan tersebut adalah milik mereka. Ianya merupakan kedudukan yang ideal apabila kewujudan beliau tidak disedari. Untuk memperoleh penghormatan daripada masyarakat Arab, Lawrence turun padang dan berkongsi serta merasai kepayahan mereka bersama (Leach 2006 & Antonious 1939).

Dalam menggerakkan orang-orang Badwi sebagai majoriti anggota tentera dalam Revolusi Arab, Goad (2014) membuktikan bahawa T. E. Lawrence mempunyai peranan yang cukup besar dalam operasi tersebut. Beliau tidak bersemuka dengan tentera Turki, tetapi hanya menjalankan operasi yang bertujuan untuk mengganggu dan membantutkan bekalan mereka. Antaranya dengan memutuskan alat talian komunikasi serta menghancurkan laluan kereta api dan jambatan yang merupakan sebahagian daripada sistem Kereta Api Hijaz yang digunakan sebagai medium laluan saluran bekalan, kelengkapan senjata serta pasukan tentera bagi Uthmaniyyah.

Selain penasihat British yang berperanan secara langsung dalam Revolusi Arab, Arab Bureau juga merupakan antara komponen utama dalam Gerakan Risikan British yang digunakan secara intensif oleh pegawai British. Makalah Sheffy (2002) melengkapkan bukti-bukti yang hilang dalam struktur dan organisasi gerakan risikan British di Timur Tengah. Gerakan ini berpusat di Mesir dan berkembang menjadi 16 cabang risikian pada fasa Perang Dunia Pertama termasuk Hijaz. Secara meluas, struktur organisasi terdiri daripada lima komponen utama. Salah satunya adalah Arab Bureau yang merupakan sebuah badan yang memantau aspek politik dan operasi ketenteraan di wilayah Arab. Bahkan Johnson (1982) menyatakan bahawa realitinya, Arab Bureau bertanggungjawab untuk memformulasikan dan menjalankan dasar British dalam Revolusi Arab. Clayton yang diberi tugas sebagai Director of Arab Bureau mengumpulkan beberapa Ahli Pakar British dalam aspek politik, sosial dan ketenteraan Arab. Mereka bertanggungjawab dalam urusan dasar British di Timur Tengah.

Arab Bureau juga menghantar penasihat-penasihat mereka untuk bekerja bersama tentera Syarif bagi mengawasi perjalanan Revolusi Arab. Pegawai Arab Bureau yang paling signifikan adalah *Lawrence of Arabia*. Commander David G. Hogarth juga merupakan figura penting kerana beliau yang melantik Lawrence bertugas sebagai Acting Director dalam Arab Bureau dan sebagai Editor dana Arab Bulletin.

Revolusi Arab juga melibatkan kebangkitan di Syria. Namun gerakan Nasionalis Arab di Syria tidak menunjukkan penglibatan yang ketara dalam Revolusi Arab. Majoriti penduduk Syria tidak menunjukkan inisiatif untuk memberikan sokongan kepada revolusi. Kawalan ketat yang dijalankan oleh Turki amat efektif di bawah kekuasaan Jamal Pasha iaitu penguasa Turki di Syria. Namun Dawn (1962) membenarkan penglibatan T.E Lawrence dalam Revolusi Arab di Damsyik. Sebelum revolusi dijalankan, hanya enam orang sahaja penduduk Syria yang melibatkan diri dalam operasi memerangi Uthmaniyah. Manakala seramai tujuh orang yang bergabung di bawah arahan Faisal selepas revolusi tercusus. Justeru, daripada 51 orang nasionalis Syria yang terlibat sebelum meletusnya perang, hanya 15 orang sahaja yang bergabung dengan gerakan politik dan ketenteraan Arab semasa perang. Namun Antonious (1939) menyatakan bahawa situasi ini diatasi oleh Jeneral British Edmund Allenby iaitu Ketua Komander Pasukan Ekspedisi British di Mesir dengan cara meluaskan pengaruhnya dalam kalangan pimpinan kabilah di Syria dan mendesak mereka untuk bergabung dengan kekuatan British (Antonious 1939).

Operasi ketenteraan di selatan Jordan yang dijalankan oleh tentera Badwi semasa Revolusi Arab turut dianalisis oleh al-Jazi (2017). Misi bermula dengan kemaraan tentera Badwi dari al-Wajh yang terletak di wilayah Tabuk ke wilayah-wilayah Jordan pada bulan Mei 1917 hingga kemasukan tentera Arab ke Damsyik pada akhir 1918. Peristiwa-peristiwa ketenteraan yang berlaku menekankan peranan utama puak Badwi dalam menyekat kemaraan tentera Uthmaniyah di selatan Jordan seperti Aqaba, Tafila, dan Wadi Mousa. Operasi yang dijalankan oleh tentera Badwi ini dipimpin oleh Faisal, Abdullah dan Syarif Husain dengan nasihat Lawrence (al-Jazi 2017). Penawanian Aqaba pada Julai 1917 dilakukan oleh tentera yang diketuai oleh Faisal di bahagian utara Laut Merah yang menghapuskan segala risiko melalui komunikasi British di Sinai serta membuka laluan bagi orang Arab menghadapi tentera Turki yang memerangi British. Operasi ini tidak akan berjalan dengan lancar tanpa bantuan tentera laut British di pantai Hijaz serta peranan pegawai British iaitu T.E Lawrence (Sorby 2006).

Tarver (1978) menunjukkan bahawa peranan Lawrence tidak berorientasikan misi dan operasi-operasi tertentu, sebaliknya berlaku secara menyeluruh. Peranan beliau berakar dari Jeddah di Hijaz menuju ke utara Aqaba. Beliau menggerakkan tenaga pemberontak suku-suku Arab serta angkatan tentera tetap dalam kalangan orang-orang Badwi sebagai agen utama dalam revolusi. Ini diikuti oleh operasi di Palestin dan Syria di bawah Jeneral Allenby, di mana orang-orang Arab di bawah Syarif Faisal dikerah untuk melindungi bahagian belakang tentera Allenby. Kempen-kempen ketenteraan dilakukan secara intensif sehingga mereka berjaya menguasai Damsyik sekaligus menubuhkan pentadbiran Faisal dalam kawasan tersebut.

Di samping kehebatan Lawrence dalam memetakan Revolusi Arab yang dikemukakan oleh penulis-penulis yang lain, Laird (1960) mengetengahkan analisis literatur terhadap penulisan-penulisan yang menyatakan kritikan terhadap Lawrence semasa Revolusi Arab. Antaranya ialah karya Andrew Macphail, *Three Persons* (1929) dan Major N. N. E. Bray

bertajuk *Shifting Sands* (1934) memuatkan kritikan dan ejekan terhadap Lawrence. Vyvyan Richard (1936) dalam karyanya T.E Lawrence mengkritik teori estetik Lawrence memanipulasi karyanya agar lebih seragam tanpa mengambil kira keaslian sumber. Komentar positif David Garnett terhadap Lawrence dalam *The Essential T. E. Lawrence* (1951) diikuti oleh karya Richard Aldington (1955) turut melancarkan serangan penuh terhadap Lawrence. Namun, Jean Beraud Villars (1958) mencapai kesimpulan yang adil dan waras terhadap Lawrence dengan menemukan semula fakta tentang Lawrence yang berbeza dengan dakwaan Aldington dan penulis sebelum-sebelumnya.

Goad (2014) juga turut membongkar beberapa percanggahan maklumat tentang Lawrence dalam *Arab Bulletin* yang dipelopori oleh British di Kaherah, artikel karya Linda J. Tarver dalam *In Wisdom's House* serta karya Lawrence sendiri iaitu *Seven Pillar of Wisdom*. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kajian terhadap Lawrence perlu dilakukan secara komprehensif dan kritis untuk mendapatkan maklumat yang berautoriti tentang peranan beliau sebagai penasihat British di Hijaz. Analisis yang dilakukan oleh Laird (1960) dan Goad (2014) ini dapat dijadikan sebagai elemen semak dan imbang (*check and balance*) terhadap peranan Lawrence semasa Revolusi Arab.

Menariknya, Lawrence bukanlah satu-satunya penasihat British yang signifikan dalam mengerakkan Revolusi Arab. Jeffrey Meyers (2019) memindahkan tumpuan yang melampau terhadap kemasyhuran Lawrence kepada peranan Kolonel Cyril Wilson dan kakitangannya di pelabuhan laut Merah di Jeddah semasa Revolusi Arab. Wilson mempunyai pasukan teras yang terdiri daripada empat orang pegawai di Jeddah yang membantunya menstabilkan revolusi dalam fasa genting yang amat berisiko untuk berlakunya kekalahan. Beliau berperanan sebelum penglibatan T.E Lawrence di Semenanjung Arab. Pengaruh Wilson terhadap Syarif Husain semasa fasa revolusi yang kritikal berlaku adalah sama penting dengan pengaruh Lawrence ke atas anak Husain iaitu Amir Faisal.

Dalam masa yang sama, kenyataan bahawa Penasihat British di Semenanjung Arab adalah pro-Arab dicabar oleh Esdaile (2005) dalam tesisnya dengan menjalankan analisis yang teliti terhadap tindakan empat penasihat British iaitu T.E. Lawrence, Sir Ronald Storrs, Major Sir Hubert Young, dan Lt Col Sir Percy Joyce. Objektif yang digariskan tidak lain adalah untuk membuktikan ‘integriti’ Penasihat British di Semenanjung Arab. Esdaile membuktikan bahawa dakwaan pro-Arab tersebut berpunca daripada perwatakan penasihat British yang berpakaian dan bergaul seperti orang Arab, menjalankan operasi ketenteraan dan menjalani segala kepayaahan sehingga ke akar umbi bersama orang-orang Arab. Walhal, perwatakan penasihat-penasihat British tersebut lahir daripada kesetiaan dan motivasi yang mendalam terhadap misi mereka di Semenanjung Arab.

Kesimpulan

Meskipun peranan British menjadi isu yang signifikan dalam fenomena Revolusi Arab, namun variasi kajian yang dijalankan adalah berorientasikan konflik Perang Dunia Pertama. Justeru, makalah ini bertujuan menstruktur semula penulisan tentang hubungan British dengan Semenanjung Arab agar konflik yang berlaku dapat dicermati dengan terperinci dalam konteks Revolusi Arab secara khusus. Hasil analisis literatur mencerakinkan sumber penulisan yang membahas peranan British semasa Revolusi Arab kepada empat bahagian utama secara tematik.

Tema tersebut adalah kronologi Revolusi Arab, hubungan Uthmaniyyah dengan Hijaz semasa revolusi, hubungan British dengan Syarif Husain serta Strategi penasihat British di wilayah-wilayah yang menjalankan revolusi. Tuntasnya, peranan British dalam menjayakan Revolusi Arab ini bertitik tolak daripada interaksi antara dua pihak demi mencapai tujuan dan kepentingan masing-masing. Secara realitinya, peranan British semasa Revolusi Arab memberikan satu implikasi yang *fundamental* dalam memetakan geografi umat Islam sehingga kini.

Rujukan

- Abdol Rauh Yaacob & Sulaiman Durloh. 2017. British Military Operation at Sheikh Sa'id in the First World War. Sultan Syarif Ali Islamic University: *International Journal Of Humanities And Cultural Studies*. 4(2): 268-278.
- Abdol Rauh Yaacob. 2015. Imperial Rivalry in South West Arabia before the First World War. Sultan Syarif Ali Islamic University: *International Journal Of Humanities And Cultural Studies* 2(2): 536-546 .
- Abdol Rauh Yaakob . 1995. *Anglo-Ottoman Rivalries in Southwest Arabia Prior to and during The First World War (1906-1919)*. University of London.
- Abdul Rauh Yaacob. 1995. Hubungan Arabia dengan British Pada Masa Perang Dunia Pertama, 1914-1918. *Jebat* 25: 97-105.
- Antonious, G. 1939. *The Arab Awakening : The Story of The Arab National Movement*. Toronto: J. B. Lippincott Company.
- Bakhit, Abdul Hamid. 1965. *al-Mujtama' al-Arabi al-Islami*. Juz 1. Mesir : Dar al-Ma'arif.
- Buzpinar, S. Tufan. 1995. The Hijaz, Abdulhamid II and Amir Husain's secret dealings with the British. 1877–80. *Middle Eastern Studies*. 31(1): 99-123.
- Çiçek, M. Talha. 2012. The Impact Of Syarif Husain's Revolt On The Nation-Building Processes Of Turks And Arabs. *Journal Of Academic Approaches*. 3(2): 98- 111.
- Daghir, As'ad. 1959. *Mudzakkirati 'Ala Hamish al-Qadiyyah al-Arabiyyah*. Kaherah : Dar al-Kaherah li al-Tiba'ah.
- Dawn, C. Ernest. 1960. The Amir of Mecca al-Husayn Ibn-'Ali and the Origin of the Arab Revolt. *Proceedings of the American Philosophical Society*. 104(1): 11-34.
- Dawn, C. Ernest. 1962. The Rise of Arabism in Syria. *Middle East Journal*. 16(2): 145-168.
- Ediz, I. 2016. Britain and the Ottoman Empire in the First World War: Clashing Interests of Two Belligerents. *The Journal of Social and Cultural Studies*. 2(3): 107-134.
- Egan, Liam. 1948. Lawrence and the Arab Revolt. *The Irish Monthly*. 76(903): 396-401.
- Esdaile, Michael James. 2005. *Rhetoric vs Practice: A Re-Examination of the 1916 Arab Revolt's Advisers*. Montréal : Institute of Islamic Studies, Mc Gill University.
- General Staff. War Office. 31 Ogos 1918. *Summary of The Hejaz Revolt*.
- Goad, Chaz. 2014. Lawrence of Arabia's Legacy: Reality or a Mirage?. *Journal of Student Historical Research*. 1: 1-7.
- Goldberg, Jacob. 1985. The Origins of British–Saudi Relations: The 1915 Anglo–Saudi Treaty Revisited. *The Historical Journal*. 28(3): 693-703.
- Hammadi, Sa'dun. 1968. *Aara' Haula Qadhaya At-Thaurah al-Arabiyyah*. Beirut :Dar At-Tali'ah li At-Taba'ah wa al-Nashr.

- al-Hasan, Samee. 2010. The Great War of 1914-1919 and the Middle East. *Pakistan Horizon*. 63(4): 25-31.
- Hashim, Hisham Suwadi. 2009. *Tarikh al-Arab al-Hadith 1516-1918: Minal Fath al-Uthmaniyyah ila Nihayat al-Harb al-Alami al-'Ula*. Amman : Darul al-Fikr.
- al-Hashimi, Abdul Mun'im. 2006. *Mausu'ah Tarikh al-Arab al-'Asr al-Hadith*. Beirut : Dar wa Maktabah al-Hilal.
- al-Jazi, Anwar Dabsyi. 2017. Position of Bedouin Tribes towards Military Operations in the South of Jordan 1917-1918 (as Documented in British Archive). *Majallat Jam'iah al-Husain ibn Thalal lil Buhuth*. 3(2): 1-12.
- Johnson, Maxwell Orme. 1982. The Arab Bureau and the Arab Revolt: Yanbu' to Aqaba. *Military Affairs*. 46(4): 194-201.
- Karsh, Efraim., Karsh, Inari. 1997. Myth in the desert, or not the Great Arab Revolt. *Middle Eastern Studies*. 33(2): 267-312.
- Laird, J.T. 1960. T. E. Lawrence: The Problem of Interpretation. *The Australian Quarterly*. 32(1): 93-99.
- Leach, Huge. 2006. Lawrence's Strategy And Tactics In The Arab Revolt. *Asian Affairs*. 37(3): 337-341.
- McKale, Donald M. t.thn. German Policy toward The Syarif of Mecca, 1914-1916. *The Historian*. 303-314.
- Meyers, Jeffrey. 2019. T. E. Lawrence & Minor Figures in the Arab Revolt. *English Literature in Transition*. 62(2): 297-302.
- Mousa, Suleiman. 1978. A Matter Of Principle: King Husain Of The Hijaz And The Arabs Of Palestine. *Middle Eastern Studies*. 183-194.
- Mousa, Suleiman. 1987. The Arab image: the New York Times, 1916-1948. *Gazette* 40: 101-120.
- Ochsenwald, W. 1984. *Religion, Society and The State in Arabia : The Hijaz Under Ottoman Control, 1840-1908*. Columbus : Ohio State University Press.
- Ochsenwald, W. 2015. Ottoman Arabia and the Holy Hijaz, 1516-1918. *Journal of Global Initiatives*, 10(1): 3(23-34).
- Qalaji, Qadri. 1994. *At-Thaurah al-Arabiah al-Kubra 1916-1925*. Beirut : Syarikah al-Matbu'at li Tauzi' wa An-Nasyr.
- Richard, V. 1936. *Portrait of T. E. Lawrence the Lawrence of the seven pillars of wisdom by Vyvyan Richards*. London : Jonathan Cape.
- Rogan, E. 2016. Rival Jihads : Islam and The Great War in the Middle East, 1914-1918. *Journal of the British Academy* 4: 1-20.
- al-Rousan, Mohamad Ali., al-Rousan, Safwat Mahmoud., al-Azzam, Tarik Mohammed. 2012. The Great Arab Revolt A Socio-Historical Investigation of Its Internal and Objective Beginnings. *European Journal of Social Sciences*. 29(1): 38-50.
- Said, Amin. 1990. *At-Thaurah al-Arabiyyah al-Kubra : Tarikh Mufassal Jami' lil Qadhiyyah al-Arabiyyah fi Rab'I Qarn*. Juz 1. Kaherah : Maktabah Madbuli.
- Sheffy, Yigal. 2002. British intelligence and the Middle East, 1900–1918: how much do we know?. *Intelligence and National Security*. 17(1). 33-52.
- Sorby Jr, Karol. 2005. Arab Nationalism After The Young Turk Revolution (1908 - 1914) *Asian And African Studies*. 14(1). 4-21.

- Sorby Jr, Karol. 2006. The Arab National Movement in World War I. *Institute of Oriental Studies, Slovak Academy of Sciences : Asian and African Studies*. 1: 40-54.
- Tarver, Linda J. 1978. In Wisdom's House: T. E. Lawrence in the Near East. *Journal of Contemporary History*. 13(3). 585-608.
- Teitelbaum, Joshua. Syarif Husain ibn Ali and the Hashemite Vision of the Post-Ottoman Order: From Chieftaincy to Suzerainty. *Middle Eastern Studies*. 34(1). 103-122.
- Wahbah, Hafiz. 1935. *Jazirah al-Arab fi al-Qarn al-'Isyrin*. Arab Saudi : Lajnah At-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Yeşilyurt, Nuri. 2005. *Collapse of Empire : Ottoman Turks and The Arabs in The First World*. Master Thesis United Kingdom: Wolfson College, University of Cambridge.
- Yeşilyurt, Nuri. 2006. Turning Point Of Turkish-Arab Relations: A Case Study On The Hijaz Revolt. *The Turkish Yearbook*. 37: 97-121.